

BELANJAWAN: DR. M YAKIN

Pertumbuhan 6% dapat dicapai jika kerjasama

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin, Belanjan Negara tahun depan akan mencapai kadar pertumbuhan yang tinggi jika setiap rakyat memberikan sumbangan.

Perdana Menteri berkata, kadar pertumbuhan sehingga enam peratus adalah tidak mustahil dan boleh dicapai jika semua pihak sama-sama memainkan peranan.

Bellau menyatakan demikian ketika diminta mengulas kenyataan bellau di Fiji minggu lalu

bahawa Belanjan Negara 1983 boleh mencapai kadar pertumbuhan enam peratus.

Para pemerhati berpendapat, kadar tersebut adalah tinggi memandangkan keadaan ekonomi negara masa ini terjejas dengan kemerosotan ekonomi dunia.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan optimis dengan kadar pertumbuhan tersebut, tetapi jika dalam masa itu matlamat tersebut didapati tidak realistik, ia akan dikaji semula.

"Menuju matlamat yang tinggi adalah sesuatu yang harus diamalkan bagi membolehkan kita bekerja ke arahnya.

"Tetapi, jika kita bermatlamat

rendah, kita mungkin berkata, matlamat tersebut adalah mudah dan kita tidak perlu bekerja mencapainya.

"Oleh itu, marilah kita menuju matlamat yang tinggi. Saya rasa pertumbuhan sebanyak enam peratus boleh dicapai jika setiap rakyat memberikan sumbangan mereka," ujarnya.

Perdana Menteri berkata, kita mestilah menghadapi realiti keadaan ekonomi dunia, tetapi dari satu segi lain, ia tidak harus mencegah kita dari berharap dunia akan pulih dari kemelesetan.

Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, akan membentangkan Belanjan Negara tahun depan di Parlimen esok.